KESETIAAN YANG LUAR BIASA

SABAT KANAK-KANAK 2023

North American Division
Children's Ministries

AYAT KUNCI

Ingatlah bahwa TUHAN Allahmu adalah satu-satunya Allah, dan Ia Allah yang setia. TUHAN memenuhi janji-Nya dan menunjukkan kasih-Nya yang tetap sampai seribu keturunan kepada orang yang mencintai Dia dan taat kepada perintah-perintah-Nya.

Ulangan 7:9

#Say YES toJesus

Sabat Kanak-kanak 2023 ini boleh membantu para kanak-kanak dalam memahami bahawa Tuhan mempunyai kesetiaan yang luar biasa dan Dia senantiasa bersama-sama dengan mereka. Program Sabat Kanak-kanak mempunyai tiga bahagian yang memberi fokus tentang kesetiaan Tuhan pada kesemua para umat-Nya dan juga kesetiaan kita pada-Nya.

Program kitab versi AVB, BIS.

Editor
Alexis Rivera Katherine Britton Guerra Sherri Uhrig

Reka bentuk & Reka atur
April Silva
Grafik: Vecteezy.com

CHILDREN'S MINISTRIES

Seventh-day Adventist® Church
NORTH AMERICAN DIVISION

FIERCELY FAITHFUL

Children's Sabbath 2023

Sebuah pelajaran mengenai Tuhan yang mempunyai kesetiaan yang luar biasa!

Berdasarkan "Fiercely Faithful" VBS 2023 Dimana Tuhan senantiasa menunaikan janji-Nya!

www.adventistvbs.org

North American Division
Children's Ministries

KANDUNGAN

SUMBER & SUKARELAWAN 5

SENARAI BAHAN & PANDUAN PERSEDIAAN 6

CADANGAN AKTIVITI TAMBAHAN 8

TEMPOH MASA PERANCANGAN 11

KEPADA PENDETA 12

BUTIRAN RANGKA 13

ACARA KEBAKTIAN 14

SKIT 17

RANGKA KHOTBAH 34

Sumber

Risalah Jemputan

Poster

Surat kepada Pendeta

Lagu Puji-pujian

Kad keputusan

Ringkasan Khotbah Pendeta (Pilihan)

Sukarelawan

Penyambut Tetamu

Peserta skit

Pemimpin Puji-pujian

Pemimpin Doa

Sukarelawan yang lain juga diperlukan bergantung dengan aktiviti-aktiviti yang dipilih.

*Musik CD/DVD Fiercely Faithful trek audio dan musik video yang menampilkan kanak-kanak mempersembahkan aksi gerakan untuk setiap lagu ada di laman web AdventSource at www.adventistvbs.org dan 402.486.8800.

Muat turun sekarang di laman web ***Childmin.org***

Pendahuluan

Mengapa Sabat Kanak-kanak?

- Ia adalah susulan kepada VBS. Penulisan berdasarkan tema, lagu, dan aktiviti yang sesuai pada musim panas.
- Ia adalah acara kebaktian bagi semua para jemaah dan ia melibatkan kesemua para peserta tidak kira umur dan pemahaman masing-masing.
- Ia memberi setiap kanak-kanak sebuah pentas untuk menunjukkan bakat kepimpinan mereka.
- Ia adalah sebuah aktiviti yang seronok, menarik, dan cara untuk menarik perhatian dengan mempersembahkan Injil supaya kanak-kanak dapat turut serta dalam mengongsikan Injil berita baik kepada orang lain.

SENARAI BAHAN &

Panduan Persediaan

SAMBUTAN

Musik *Fiercely Faithful* CD/DVD
- *Walk by Faith*

AYAT HAFALAN

Ayat hafalan: Alkitab

SKIT

Skit 1 versi 1: Kita Perlukan Tangga

Papan tanda yang berlabelkan "BAHAYA BERHATI-HATI DENGAN LUBANG DIHADAPAN" *(posisikan papan tanda itu dibahagian sebelah kiri pentas menghadap para jemaat)*

Tangga
Roti sandwich *(dalam beg plastik)*
Sarung tangan, sarung tangan mendaki, atau sarung tangan sukan.

Penyodok tanah

Benang

Pelakon
Kostum Constance Si Unta

(www.adventisvbs.org)

Pemakai kostum

Pengembara
Skrip

Skit 1 versi 2: Kita Perlukan Tangga

Pengembara (P)

Penolong 1 (p1) Prop: Sarung tangan

Penolong 2 (p2) Prop: Penyodok tanah

Penolong 3 (p3) Prop: Benang

KHOTBAH BAHAGIAN 1

Kain penutup mata
3 kanak-kanak sukarelawan bersama dengan ibu bapa mereka/ penjaga
3 dewasa yang boleh dipercayai yang dipilih secara rawak (pendeta, pegawai gereja, diakon dll.)

KHOTBAH BAHAGIAN 2

Kostum malaikat
Tangga (digunakan yang sama dari skit)
Kostum Alkitab
Bata blok atau batu besar
1 anak sebagai malaikat
1 anak sebagai Yakub
(Opsyenal) tumpukan lampu pada tangga sewaktu cerita mengenai mimpi Yakub dibacakan

DOA

Batang tinsel
Beg plastik
5 kanak-kanak pembentang

KHOTBAH BAHAGIAN 3

Kad kambing biri-biri
Beberapa kotak tisu (warnakan kotak-kotak tisu supaya kelihatan seperti batu mezbah)
Cat warna kelabu/perang/hitam (untuk mewarnakan kotak-kotak tisu)
Kertas tisu berwarna merah dan jingga

KHOTBAH BAHAGIAN 5

Kertas manila
1 anak pembentang

KETIKA AKTIVITI PUJIAN:
Pemimpin Lagu
dan musik video VBS

CADANGAN
Aktiviti Tambahan

Aktiviti-aktiviti berikut adalah cadangan idea yang boleh digunakan untuk mempromosikan Pelayanan Kanak-kanak di dalam gereja kamu, dan boleh juga digunakan untuk melibatkan kanak-kanak, ahli keluarga dan para jemaat untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti ini.

Imbas Saya: **PATHFINDER HONORS**

Untuk *Pathfinder Honors*
en.wikibooks.org/wiki/Adventist_Youth_Honors_Answer_Book

Imbas Saya:
ADVENTURER AWARDS

Untuk *Adventurer Awards*
en.wikibooks.org/wiki/Adventist_Adventurer_Awards

Potluck Khas Kanak-kanak. Jemput anggota keluarga gereja ke potluck 'Jom Makan' dengan aktiviti kanak-kanak di setiap meja (Lihat “Jom Makan” di ms. 9 utk idea-idea.)

Buat Outreach di taman atau kawasan awam. Sediakan musik, cerita dan permainan utk kanak-kanak. Kanak-kanak boleh mewarna dan menghantar risalah-risalah itu pada minggu sebelumnya.

Lawat Rumah Orang Tua di kawasan anda dan laksanakan program datuk/ nenek angkat dengan lawatan tetap.

Hari Sabat Kanak-kanak boleh juga menyertakan rancangan utk projek pelayanan tambahan pada hari Ahad. Kanak-kanak boleh membuat sesuatu utk orang lain seperti: membantu membersihkan laman rumah, membuat biskut dan menghantarnya dengan nota buatan sendiri, dll. Kanak-kanak yg terlibat dalam aktiviti seperti ini bukan sahaja membuatkan mereka seronok tetapi juga menanam semangat melayani dalam diri mereka dan yg paling penting memberikan rasa sukacita kepada mereka yang dilayani.

Jemput seluruh gereja utk bekerjasama dalam Pathfinder Nature atau Outreach Honor atau Adventurer Nature Award.

JOM MAKAN

TUHAN MEMPUNYAI KESETIAAN YANG LUAR BIASA!

Aktiviti untuk melibatkan kanak-kanak dan keluarga semasa atau selepas Potluck Hari Sabat Kanak-kanak.

HIASAN MESRA KELUARGA:

Hias ruang potluck dengan belon.
Mainkan lagu kanak-kanak semasa potluck. Mainkan lagu-lagu dari musik Fiercely Faithful.

Lapis meja-meja dengan kertas kraf. Lekatkan kertas kraf berwarna biru di tengah-tengah setiap meja. Sediakan krayon dalam cawan utk tetamu melukis/mencoret.

KRAF BUNGA KELUARGA GEREJA

Bahan-bahan:

Templat bunga (4-5 setiap meja)

Krayon dan/atau marker

Beberapa gunting tumpul

Gam pekat

Kertas kraf berwarna biru sebagai pelapik meja (setiap meja)

PANDUAN:

Persedian awal: *Potong kertas kraf berwarna biru kepada mengikut lebar dan panjang meja. Diatas setiap pelapik meja, cetak dalam huruf tebal: SAYA SEBAHAGIAN DARI KELUARGA TUHAN!*

Idea baik: Hasilkan sekeping panduan yang di laminat untuk setiap meja.

1. Gunting templat bunga dan warnakan dengan warna yang cerah. Ambil masa kamu dan ceritakan betapa indahnya bunga ciptaan Tuhan untuk kita nikmati! Dia adalah Tuhan yang mempunyai kesetiaan yang luar biasa! Wah!
2. Gamkan kertas kraf berwarna biru pada pelapik meja dan lukis batang bunga dan beberapa garisan rumput. Bekerjasama dan saling bantu-membantu. Beri pujian atau mengagumi hasil kerja keluarga kamu dan juga hasil kerja keluarga yang ada di sebelah kamu!
3. Sudah selesai? Pada masa sekarang, pergi ke setiap meja dan cetakkan nama kamu di salah satu kelopak bunga atau di sisi kelopak bunga. Kamu boleh saja mencetak nama kamu pada kelopak bunga yang berbeza di setiap meja. Beritahu pelukis bunga tersebut, “Terima kasih kerana sudah menjadi sebahagian dari keluarga gereja!”

Rancang Acara Kebaktian

Rancangkan pelayanan ini sebagai sebuah peluang untuk menjangkau masyarakat di sekeliling kamu dan menampilkan kanak-kanak serta rancangan mereka dalam pelayanan ini. Untuk mendapatkan sokongan program Hari Sabat Kanak-kanak kamu, bekerjasama dengan pendeta kamu untuk mengembangkan visi Pelayanan untuk Hari Sabat Kanak-kanak dan bentukkan sebuah kumpulan untuk menyusul organisasi dan juga dalam merancang program. Adakan mesyuarat sekerap yang perlu untuk mengurangkan kekeliruan di antara pemimpin-pemimpin kamu dan mengurangkan salah faham. Untuk melibatkan kanak-kanak dalam penyediaan dan jangkauan, kongsi dengan mereka logo dan tema; terangkan maksudnya; galakkan kanak-kanak untuk berdoa setiap hari dan untuk belajar bagaimana Tuhan memanggil mereka untuk bekerja bagi-Nya. Bimbing mereka dalam mencari Tuhan melalui ayat-ayat dalam Alkitab. Biasanya penyelaras kanak-kanak yang akan menganjurkan program Sabat Kanak-kanak; jika gereja kamu tidak melantik seorang penyelaras kanak-kanak, mintalah pendeta kamu untuk melantik seorang penyelaras kanak-kanak sementara untuk hari yang istimewa ini.

- Untuk memanfaatkan sepenuhnya program Sabat Kanak-kanak, pastikan pendeta kamu diberikan informasi yang terkini mengenai semua butiran program Sabat istimewa ini.
- Rancang lebih awal untuk mengumumkan di gereja dan komuniti kamu.
- Membentangkan program semasa ibadah.
- Sediakan ‘potluck’ khas untuk menghargai kanak-kanak.
- Rancang jangkauan menggunakan majalah/surat kabar
- Layari adventsource.com untuk membeli bahan-bahan yang boleh digunakan oleh kanak-kanak untuk mengongsikan kepercayaan mereka.

TEMPOH MASA PERANCANGAN

Dengan Segera

Muat turun bahan-bahan dari childmin.com.

Bentukkan kumpulan sokongan doa khas untuk program Hari Sabat kanak-kanak.

Bentukkan jawatankuasa perancangan, libatkan pemimpin Pathfinder dan Adventurer serta pemimpin pelayanan kanak-kanak.

Tentukan perincian aktiviti penjangkauan(outreach)—tempat yang dipilih, penganjur dan orang dewasa yg akan mengikut serta dalam aktiviti, dll.

Jika gereja anda mempunyai kanak-kanak yang dalam persediaan untuk dibaptis, bekerjasama dengan ahli keluarga dan pastor untuk merancang baptisan sebagai sebahagian daripada acara kebaktian Sabat Kanak-kanak.

Enam Minggu Sebelum

Minta pemimpin perhubungan gereja utk mengiklankan program ini di buletin gereja, pengumuman kepada komuniti, dan dalam media sosial— contoh pengenalan dan pengumuman terdapat di: childmin.org

Kirimkan poskad "Fiercely Faithful" sebagai jemputan kepada anggota yg jarang ke gereja. Edarkan poskad di gereja, galakkan anggota gereja utk menjemput jiran-jiran mereka, sahabat handai dan ahli keluarga yang lain.

Minta pelayanan gereja untuk merancangkan potluck/menu istimewa khas untuk tetamu selepas kebaktian Sabat Kanak-kanak. (lihat idea Potluck di ms. 9)

Rancangkan seseorang untuk mengambil gambar semasa program ini.

Tiga Minggu Sebelum

Tampalkan poster "Fiercely Faithful" di gereja dan sekolah.

Letakkan pengumuman pengiraan detik pelancaraan pada setiap minggu di buletin gereja.

Bawa beberapa kanak-kanak untuk menolong membuat pengumuman kreatif di gereja.

Mulakan praktis program ini. (Jangan biar kanak-kanak berlatih lewat pada malam Jumaat.)

Tentukan perincian muktamad mengenai aktiviti Outreach.

Hari Sabat Kanak-kanak

Berdoa dengan jawatankuasa dan kanak-kanak sebelum memulakan program.

Laksanakan program semasa acara kebaktian.

Sediakan potluck khas untuk kanak-kanak, keluarga mereka dan tetamu.

Atur dan lakukan aktiviti pengjangkauan.

Ucapkan terima kasih kepada setiap ahli jawatankuasa dan juga kanak-kanak kerana melibatkan diri dalam program yang berjalan dengan lancar.

APAKAH HARI SABAT KANAK-KANAK?

KEPADA PENDETA & RAKAN-RAKAN SEPELAYANAN

Hari Sabat Kanak-Kanak adalah hari yang diperuntukkan oleh gereja-gereja di seluruh dunia untuk tujuan penyerlahan dan penegasan pemberian dan bakat kanak-kanak di khalayak kita. Ia adalah hari untuk kita meraikan dan menampilkan kanak-kanak sebagai peserta aktif dalam kehidupan gereja. Kanak-kanak boleh melayani sepanjang kebaktian Sabat sebagai pemimpin ibadah, termasuklah berkhutbah, menyanyi, membaca ayat hafalan dan membuat pengumuman. Hari istimewa ini memberi peluang yang baik untuk menjemput teman-teman dan jiran tetangga kamu untuk membawa anak-anak mereka. Lebih banyak kamu merancang dan mempromosikan hari istimewa ini, lebih banyak kesannya terhadap keluarga gereja dan hubungan komuniti kamu. Pelayanan Kanak-Kanak di bahagian Divisi Amerika Utara (NAD) berasa teruja dan tidak sabar untuk merayakan Sabat yang sangat istimewa ini. 7 Oktober 2023 adalah Sabat Kanak-kanak di seluruh bahagian Amerika Utara. Kami telah meraikan hari istimewa ini selama lebih tiga belas tahun. Ini adalah hari Sabat di mana anak-anak di gereja kita mendapat peluang untuk mengongsikan Injil melalui pemahaman mereka dengan menggunakan bakat unik mereka sendiri. Mungkin ini adalah hari apabila seorang guru, seorang pemimpin gereja, dan ya, bahkan seorang pendeta di masa depan mengenali panggilan mereka untuk kali pertamanya. Ini juga merupakan peluang terbaik untuk pemimpin Pelayanan kanak-kanak kamu untuk bekerjasama dengan kamu dan membimbing anak-anak semasa mereka berkongsi dari pentas mimbar ke lubuk hati perasaan kasih mereka kepada Yesus! Sebagai sumber tambahan kami telah memasukkan rangka khutbah (lihat muka surat 34) yang telah disediakan khas untuk program ini. Kamu boleh menambah kandungan kamu sendiri atau gunakan seadanya. Ini boleh disampaikan oleh kanak-kanak, remaja atau para belia dengan bimbingan kamu. Pelayanan Kanak-Kanak Divisi Amerika Utara (NAD) menyokong dan mendoakan kamu dalam pelayanan kamu bersama anak-anak gereja kamu! Sabat Kanak-kanak 2023 akan menegaskan kepada anak-anak kamu bahawa tidak kira apa pun, Tuhan mempunyai kesetiaan yang luar biasa dan mengasihi mereka dengan kasih yang kekal! Dan Dia sentiasa menepati janji-Nya! Dan itu adalah janji yang Pasti!

North American Division
Children's Ministries

BUTIRAN RANGKA

ALU-ALUAN

Ini merupakan peluang yang baik utk memperkenalkan ketua pelayanan kanak-kanak di gereja anda; Kesedaran dan sokongan awam adalah penting untuk dedikasi jawatankuasa kamu. Ini juga masanya untuk memberi sokongan kepada kanak-kanak utk melibatkan diri dalam kebaktian, dan meraihkan kepimpinan mereka sebagai salah satu anggota gereja.

DOA PEMBUKA

Kebaktian akan dimulakan dengan doa pembuka yang dipimpin oleh seorang kanak-kanak. Terdapat doa pra-tulis, namun kami menggalakkan keluarga dan pemimpin kanak-kanak untuk membantu kanak-kanak membuat doa unik mereka sendiri. Doa itu akan menjemput Tuhan untuk memberkati semua orang dalam jemaah dan bersyukur kepada Tuhan untuk masa yang indah untuk berbakti bersama-sama.

PEMBACAAN AYAT HAFALAN

Minta beberapa kanak-kanak untuk berlatih pergerakan ayat terlebih dahulu. Berlatih dalam kumpulan di pentas untuk menunjukkan kepada para jemaat. Beri peringatan untuk memberikan senyuman kepada penonton anda! Arahkan kanak-kanak untuk melakukan aksi itu dahulu, kemudian diikuti oleh para hadirin.

PEMBUKAAN SKIT

Skit yang disediakan bersesuaian dengan gereja dan ia sesuai untuk memperkenalkan tema program. Ada dua versi skit. Satu berkaitan secara langsung dengan watak VBS Constance si unta dan memerlukan 2 pelakon. Skit yang seterusnya mempunyai mesej yang sama, tetapi sebaliknya menggunakan 4 pelakon. Baca kedua-dua skit dan pilih yang paling sesuai berdasarkan keadaan sekeliling kamu. Perlu diingat juga bahawa apa sahaja yang kamu pilih, adalah lebih penting bagi kanak-kanak berada di depan sepanjang masa acara kebaktian sabat.

RINGKASAN SKIT

Ringkasan menerangkan mesej skit. Ia memperkenalkan cerita mengenai Tangga Yakub, dan memberi kita petunjuk tentang janji selama-lamanya yang Tuhan berikan kepada kita.

AKTIVITI KHUTBAH & DOA

Khutbah dipecahkan kepada 5 bahagian, setiap satu mempersembahkan segmen kisah Yakub. Setiap bahagian khutbah melibatkan sama ada seorang pengkhutbah kanak-kanak, atau elemen penglibatan aktif dengan jemaah dan keluarga mereka. Di antara setiap bahagian, terdapat lagu-lagu yang diambil daripada kurikulum VBS *Fiercely Faithful*.

Pilih setiap pengkhutbah dengan lebih awal dan minta pendeta, pegawai gereja, dan ibu bapa untuk membantu mereka berlatih. Ia adalah peluang yang baik untuk menghubungkan pemimpin-pemimpin dengan kanak-kanak!

ACARA PENUTUP & PANGGILAN UNTUK KOMITMEN

Para pendeta digalakkan untuk memberi peluang kepada para jemaah gereja untuk menjawab sama ada melalui panggilan umum untuk berkomitmen setia kepada panggilan Tuhan atau panggilan yang lebih khusus seperti panggilan untuk dibaptiskan sebagai tanda komitmen yang lebih besar. Satu khutbah pendek juga boleh disampaikan oleh pendeta semasa ini. Rangka Khotbah yang disediakan mengesyorkan agar kamu memfokuskan pada Perjanjian Tuhan dan bagaimana ia menunjukkan betapa Tuhan setia dalam menepati Janji-Nya.

JEMPUTAN UNTUK MAKAN TENGAH HARI BERSAMA

Cadangan: Jemputan ke “Jom Makan” *Potluck* Sabat Kanak-kanak.

Tugaskan beberapa kanak-kanak untuk menyampaikan jemputan untuk menyertai mereka makan tengah hari.

KEBAKTIAN

ALU-ALUAN

Selamat Pagi semua! Selamat datang ke Hari Sabat Kanak-kanak. Kami sangat gembira kerana kamu hadir pada hari ini! Hari ini kita akan meraihkan anggota-anggota termuda kita dengan **program khas yang direka untuk melibatkan diri dalam acara kebaktian melalui penglihatan, pendengaran dan penglibatan bersama.** Kita tahu bahawa Yesus CINTA kanak-kanak! Ketika mereka berlari kepada-Nya untuk menerima berkat, Yesus mengingatkan murid-murid-Nya untuk membiarkan anak-anak kecil itu datang, dan jangan menghalangi mereka kerana merekalah yang empunya kerajaan Tuhan (Mar 10:13-16). Yesus juga mengarahkan kita untuk menerima kerajaan Tuhan seperti seorang kanak-kanak untuk masuk ke dalamnya (Mat 18:3). Dengan mengingati ajaran ini, kami menjemput kamu untuk memasuki ibadat ini dengan hati seperti kanak-kanak.

Pada hari ini, Kita akan bersalam l·y ŘŜy∃l·y ŏl·ℕl· èl·y∃ ōŜℕōŜÎl·φ Kita akan mempelajari mengenai kesetiaan Tuhan yang luar biasa dan bagaimana Dia sentiasa menepati janji-Nya. Berapa ramai di antara kamu yang masih ingat pernah memberi janji dengan jari kelingking (pinky promise) semasa kamu kecil? (Berhenti sejenak dan lihat para jemaah kamu. Senyum dan angguk.) Janji jari kelingking atau lebih dikenali sebagai Pinky Promise adalah tanda antara teman kamu yang sangat bermakna yang menunjukkan sebuah janji bagi kamu amat penting. Mari kita gunakan kenangan ini untuk mengingatkan satu sama lain tentang fokus kita dalam kebaktian. Lihatlah kepada jiran sebelah kamu dan beritahu mereka SELAMAT DATANG! Tuhan itu setia! Kemudian berikan mereka janji jari kelingking terbaik kamu. (tunjuk cara memberi janji jari kelingking kemudian beri masa untuk jemaah bersalam-salaman) Bagus!

Ketika kita memikirkan tentang kesetiaan Tuhan dan janji jari kelingking kita, marilah kita ingat untuk sentiasa BERKATA YA KEPADA YESUS. Sama seperti kanak-kanak kecil, kita juga boleh mendekati takhta Tuhan dengan mata yang menatap sebuah keajaiban, rasa ingin tahu dengan rendah hati, semangat yang teruja dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi dan kepercayaan kepada Kristus Penyelamat kita.

Mari kita tundukkan kepala bersama semasa kita datang kepada Tuhan dan Juruselamat kita dalam doa:

DOA PEMBUKA

Nota: kamu boleh meminta seorang kanak-kanak untuk memberi doa pembukaan bagi memulakan acara kebaktiaan Sabat. Mereka boleh memilih untuk menulis doa mereka sendiri, atau mereka boleh menggunakan doa yang disediakan di bawah:

Ya Bapa, kami berterima kasih kepada semua orang yang telah berkumpul di gereja pada hari ini. Kami berdoa agar Tuhan berserta kami dan memberkati kami semua semasa kami beribadat bersama. Bukalah telinga kami supaya kami dapat mendengar suara-Mu. Bukalah minda kami supaya kami boleh memahami firman-Mu. Bukalah hati kami agar kami dapat menerima kasih-Mu yang indah. Penuhi ibadah ini dengan kehadiranmu. Kerna semua ini kami minta dalam nama Yesus yang kudus, Amin.

AYAT HAFALAN

Nota: Ramai anak kamu akan mengingati ayat hafalan dari VBS. Jemput mereka di hadapan untuk melakukan gerakan ayat hafalan tersebut. Sediakan 3-4 kanak-kanak yang boleh berlatih lebih awal. Mereka akan menjadi wakil untuk menunjukkan gerakan ayat hafalan tersebut. Minta mereka menunjukkan demonstrasi gerakan, kemudian jemput anggota gereja lain untuk ikut serta. Pastikan ayat hafalan itu kelihatan di suatu tempat di atas pentas. kamu boleh memilih untuk menggunakan slaid digital (Powerpoint), atau minta kanak-kanak lain memegang poster dengan ayat itu.

Ayat hafalan kita terdapat dalam Ulangan 7:9. Teks ini memberi kita lebih terperinci tentang kesetiaan Tuhan. Ia mengingatkan kita sejauh mana janji-Nya akan pergi. Sila berdiri dan lakukan gerakan bersama kami semasa kita membaca ayat hafalan ini bersama-sama. ***(Tunjuk cara, kemudian ambil bahagian bersama jemaah)***

> *"Ingatlah* ***(Sentuh pelipis (kiri dan kanan) dengan jari telunjuk (kiri dan kanan))***
> *bahawa TUHAN adalah satu-satunya Tuhan* ***(Kedua-dua jari telunjuk menunjuk ke langit)***
> *dan Dia adalah setia.* ***(Genggam kedua-dua tangan kamu)***
> *Dia akan menepati janji-Nya"* ***(Janji jari kelingking dengan kedua-dua jari kelingking)***
> *dan menunjukkan kasih-Nya secara berterusan kepada seribu generasi."* ***(Buat bentuk hati dengan jari kamu)***
> *kepada orang yang mengasihi Dia dan mentaati perintah-Nya."* ***(Tangan berdoa)***
> *Ulangan 7:9* ***(Satukan tangan seperti Alkitab)***

Alangkah indah sekali untuk mengetahui bahawa kesetiaan Tuhan akan sentiasa berterusan! Dari generasi ke generasi, kasihNya akan senantiasa bersama kita.

Mainkan lagu 1 dengan lebih awal: Walking by Faith.

LAGU 1 – WALK BY FAITH (Tempo sederhana)

SKIT 1: KITA PERLUKAN TANGGA!

Ringkasan: Seorang pengembara jatuh ke dalam lubang yang berbahaya. Rakan-rakannya cuba untuk melakukan yang terbaik untuk membantu. Bolehkah mereka mencari alat yang sesuai untuk menyelamatkan rakan mereka?!

Kunci utama: Tuhan telah menjanjikan kita Yesus. Dia akan menyelamatkan kita apabila kita jatuh ke dalam lubang kegelapan.

PERALATAN:

Tanda1: *"BAHAYA. BERHATI-HATI DENGAN LUBANG DI HADAPAN" (posisikan papan tanda itu dibahagian sebelah kiri pentas menghadap para jemaat)*
Tangga
Roti Sandwich *(di dalam beg palstik)*
Sarung tangan/sarung tangan mendaki/ sarung tangan sukan.
Penyodok Tanah
Benang

PELAKON- VERSI 1

Constance, si unta

Pengembara

PELAKON- VERSI 2 *(setiap penolong akan mendapat satu alat untuk digunakan)*

Pengembara (P)

Penolong 1 (p1) Alat: Sarung tangan

Penolong 2 (p2) Alat: penyodok tanah

Penolong 3 (p3) Alat: benang

Nota: terdapat dua versi skit ini. Pengembara mempunyai skrip yang banyak dalam kedua-dua versi. Kamu mungkin mahu memilih seorang dewasa untuk memainkan watak ini.

Versi 1 memerlukan dua watak. Ia termasuklah Constance, Si Unta, watak dikenali dari VBS. Jika kamu mempunyai kostum unta daripada program VBS sebelum ini, atau kamu mempunyai bilangan pembantu yang terhad, kamu boleh menggunakan skrip 1.

Versi 2 mempunyai versi skit yang berbeza tetapi mempunyai mesej yang sama. Ia memerlukan 3 orang pembantu.

Setiap pembantu mempunyai beberapa skrip yang mudah, dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak pada sebarang umur. Tidak kira versi mana yang kamu pilih, pastikan kamu berlatih bersama beberapa kali sebagai persediaan untuk acara kebaktian Sabat nanti!

SKRIP VERSI 1 (DENGAN CONSTANCE SI UNTA)

P – ***(berjalan naik ke atas pentas bersama dengan Constance is unta yang tidak jauh dari belakangnya)***

"Constance, perjalanan kita hari ini rasa *paaa~njang* sekali."
“Dan… Saya rasa kita mungkin tersesat.” *(Constance menyiku pengembara dan merengus)*
“Apa itu Constance? kamu rasa kita dapat mengejar karavan yang lain?"
“Oh… saya harap begitu! Kita telah terpisah dengan mereka selama beberapa hari sekarang." *(melihat sekeliling dengan menyepetkan mata.)*
(Constance berpusing melihat sekeliling)
"tetapi saya tidak melihat mereka di mana-mana. Hmmm… mungkin mereka ada di cekpoin seterusnya.” *(mula melangkah pergi)*
(Constance merengus dengan panik)
“Ada apa dengan kamu Constance?” *(Constance merengus dan menunjukkan tanda BAHAYA)*
*“*Itu? Ia mengatakan bahaya, berhati-hati dengan lubang." *(Constance mengangguk)*
“Oh, jangan risau Constance, tiada apa-apa yang perlu dirisaukan. Laluan itu kelihatan tidak berbahaya…”*(terus berjalan-jalan. Constance tinggal di belakang)*
Kan saya dah kata? Tiada apa-apa di sini… tanda itu karut. Tidak ada lubang dimana...MANA!”
“AAAAAAAAAHHHH” *(pura-pura jatuh dari pentas bergerak ke bahagian bawah, atau kamu boleh duduk/berlutut. kamu sepatutnya lebih rendah daripada pelakon lain pada ketika ini)*

"Oh tidak! saya telah jatuh*. (cuba memanjat)* Saya tidak boleh keluar. Oh tidak!"
“Constance, kenapa kamu tidak memberi amaran kepada saya tentang bahaya di laluan ini!!!” *(Constance menggelengkan kepala)*
*“*Apa yang saya boleh buat? *(cuba melompat)* ia terlalu curam dan terlalu dalam. Saya terperangkap... Constance?"
(*Constance merengus)*
“Dengar, kamu kena pergi dapatkan sesuatu untuk bantu. Boleh tak?
*(Constance merengus, mengangguk dan berlari ke luar pentas, kembali dengan beberapa sarung tangan dan melemparkannya ke **P**)*
P – “Apa yang kamu bawa untuk saya? *(memegang sarung tangan)* bermutu tinggi dan tahan lama… sarung tangan untuk mendaki?”
"Kamu mahu saya keluar menggunakan ini?"
(Constance mengangguk)
“Ok ia nampak boleh dipercayai *(memakai sarung tangan dan cuba memanjat keluar semula) (mengeluh)*
“Dindingnya terlalu licin. *(phew!)* Hmmmm... mungkin kita boleh mencuba sesuatu yang lain. Adakah kamu mempunyai idea lain?”
*(Constance mengangguk dan berlari keluar pentas kembali dengan penyodok tanah dan melemparkannya ke **P**)*

P – "Penyodok tanah? Idea yang bijak! Saya akan cuba membuat longgokkan tanah dan daki di atasnya untuk keluar dari lubang ini!"
(cuba menggali dengan penyodok... bersungguh-sungguh untuk mencuba dan mengenakan penyodok di atas tanah yang keras. Menjatuhkan penyodok) "Saya tidak boleh gali, tanahnya terlalu keras! Adakah kamu mempunyai idea lain?"

(Constance berfikir sejenak) hmmmmmm…. *(lari ke luar pentas. kembali dengan benang)*

P – "Adakah itu seutas benang? *(Constance mengganguk)* Tunggu sebentar… kamu mahu saya….pegang benang ini… dan kamu rasa kamu dapat tarik saya keluar dengan itu?"

(Constance mengganguk)

"Ummm… kamu pasti ini dapat menampung saya?" *(Constance melompat)*

P– *(Dengan ragu-ragu)* "ok… jika itu yang kamu rasa…" *(memegang hujung benang yang ditarik oleh Constance pada hujung yang lain)*

P– *(Berdiri dengan hujung kaki)* "hey!!! saya rasa ia berfungsi dengan baik!"
*(Constance teruskan menarik sehingga lah benang putus dan kedua-duanya jatuh***)–**

"Hampir dekat! Tetapi… saya masih lagi terperangkap. Oh, apa yang harus saya lakukan?"

(Constance merengus)

"Apa dia? kamu tidak ingin saya berputus asa?" *(Constance melompat dengan girang)*

"Ok baiklah… mari kita berfikir lagi!"

"Hmmmm…. sarung tangan ini tidak berfungsi untuk membantu saya memanjat keluar dari lubang ini… tetapi bagaimana jika ada sesuatu yang boleh dipanjat? dan penyodok tanah ini tidak dapat bantu saya membuat satu longgokkan tanah untuk mendapatkan ketinggian yang saya perlukan, tetapi

bagaimana jika kita dapat mencari sesuatu yang boleh mengangkat seseorang lebih tinggi? dan benang itu tidak kukuh
atau cukup kuat untuk menarik saya keluar, tetapi bagaimana jika kita menemui sesuatu yang boleh menyokong/menampung seseorang?

(Constance berlompat and merengus)

"Kamu ada idea yang baik? Hebat sekali! Apa ideanya?"

(Constance lari keluar pentas, kembali dengan sebuah tangga)

P– Sudah tentu! Sebuah tangga! Ia kukuh… kuat… dan ia dapat membantu saya naik keluar dari lubang ini...idea yang hebat!

(Constance turunkan tangga. P keluar naik dari lubang.)

"Yeah! Kita berjaya!"

(Constance berlompat dengan girang)

"Terima kasih banyak Constance! kamu adalah unta karavan yang terhebat sekali! Dan lihat… lihat di sana!! *(menunjuk ke luar pentas)* itu karavan kita!!! kita telah menemui mereka. Jom kita kejar mereka." *(mula lari ke luar pentas…)*

(Constance merengus. P perlahankan diri)

"Ya sudah tentu... mari kita bawa tangga ini sekali...untuk berjaga-jaga!" *(Constance dan P mengangkat tangga ke luar pentas)*

SKRIP – VERSI 2 (DENGAN PENOLONG)

P– (*Naik ke atas pentas*) "Wah! Jejak berjalan yang hebat! Saya rasa ingin meneroka jejak itu" *(berjalan sejenak sekeliling pentas. terlihat tanda amaran di bahagian kiri pentas)*

"Apa ini? Tanda? Apa yang tertulis padanya?" *(lihat dengan dekat)*

"Bahaya" (lihat sekeliling) jejak ini tidak kelihatan begitu bahaya. Tentu ia baik-baik saja." (*terus berjalan sekeliling. Terlihat tanda di bahagian kanan pentas)*

"ada tanda lagi? Apa yang tertulis padanya? *(lihat dengan dekat)* Hmmmm….BAHAYA BERHATI-HATI DENGAN LUBANG DI HADAPAN
(mengangkat bahu saya pasti semuanya baik-baik saja... *(berjalan sejenak sekeliling pentas)* lihat? tiada apa-apa yang perlu dirisaukan."
"Tidak ada lubang pun dimana...MANA AAAAAAAAAHHHH." *(pura-pura jatuh dari pentas bergerak ke bahagian bawah, atau kamu boleh duduk/berlutut. kamu sepatutnya lebih rendah daripada pelakon lain pada ketika ini)*

"Aduh! Saya terjatuh dalam lubang. *(cuba memanjat)* macam mana ni! Saya tidak boleh keluar. Oh tidak! Kalaulah saya diberi amaran tentang bahaya di laluan ini!!! Apa yang harus saya lakukan sekarang? (*cuba melompat)* lubang ini terlalu curam dan terlalu dalam. Saya terperangkap!" (*memanggil*) "Tolong! Tolong! Ada sesiapa di sana? Bolehkah sesiapa mendengar saya?"

p1 – (*naik ke atas pentas)*

P – "Hello? Hei! Bolehkah kamu mendengar saya?"

p1 – *(Melihat sekelilingnya dan menggaru kepala kehairanan)*

P – "Di sini...Bawah sini! Saya ada di dalam lubang di bawah kamu!"

p1 – *(Berjalan hingga ke hujung lubang dan melihat kebawah.)*

p1 – "Oh hello. Apa kamu buat dalam lubang ini?"

P – "Saya sedang berjalan di jejak ini dan terjatuh kedalam. Bolehkah kamu membantu saya?"

p1 – "Kamu sudah cuba untuk mendaki keluar dari lubang ini?"

P – "Sudah tetapi…*(cuba untuk mendaki keluar)* ia terlalu curam dan terlalu dalam."

p1 – “Hmmm… Saya ada alat yang sesuai untuk mengeluarkan kamu dari sana. *(mengeluarkan sarung tangan dari poket dan melemparkannya ke bawah)* Ini adalah alat yang luar biasa, sarung tangan mendaki tahan lama dan bermutu tinggi. Cubalah!!”

P– “Ok alat ini kelihatan kuat. (*pakai sarung tangan dan cuba untuk mendaki keluar dari lubang sekali lagi) (mendengus)* Dindingnya terlalu licin.” (*phew!)*

p2 – *(Naik ke atas pentas)*

p1 – “Hey! Bolehkah kamu membantu saya? Orang ini terjatuh dan terperangkap dalam lubang!”

p2 – “Oh! Jejak jalan ini biasanya penuh dengan lubang-lubang!”

p1 – “Saya tahu! kamu ada apa-apa alat yang boleh membantu dia?”

p2 – “Hmmmmm *(pegang poketnya dan mengeluarkan penyodok kecil)* Aha! Mungkin alat ini boleh membantu.”

p2 – (*Memanggil ke bawah kepada P)* “Hey! Kamu boleh menggunakan alat ini? *(memberikan penyodok kecil ke dalam "lubang")* Cuba buat satu longgokkan tanah mungkin ia boleh mengangkat kamu lebih tinggi supaya kamu boleh keluar dari lubang itu!”

P – "Penyodok? Mungkin alat ini dapat membantu *(cuba menggali dengan penyodok... bersungguh-sunggh untuk mencuba dan mengenakan penyodok di atas tanah yang keras. Menjatuhkan penyodok)* “Saya tidak boleh gali, tanahnya terlalu keras! Adakah kamu mempunyai idea lain?”

p1 and p2 – *(Menggaru kepala mereka sambil berfikir)* “Hmmmmmm….”

p3 – *(Naik ke pentas dan berjalan menuju kearah p1 dan p2)* “Hi. Kamu sedang tengok apa itu?” **p1 dan p2 –** *(Katakan bersama-sama)* – “Ada orang terjatuh dalam lubang ini.”

p3 – “Oh tidak! Jejak jalan ini biasanya penuh dengan lubang!”

p1, p2 and P– “Kami tahu!”

p1 – Kami sedang cuba untuk membantunya. Kamu ada idea?

p3 – “Hmmmmmm *(pegang poketnya dan mengeluarkan benang)* aha! Mungkin ini dapat membantu.

p3 – *(Panggil ke dalam lubang)* “Hey. Bolehkah kamu pegang pada benang ini?” *(Masukkan salah satu hujung benang ke dalam lubang)* **P –** “Ada… Adakah itu seutas benang?”

p3 – “Yep! Kami akan cuba menarik kamu keluar dengan benang ini. Pegang dengan erat!”

P **–** “Ummm… kamu pasti benang ini boleh menampung saya?”

p3 – “Ya pasti”

P – *(Dengan ragu-ragu)* "Ok… kalau kamu dah kata begitu…" *(pegang dengan erat pada benang itu)*

p3 – "Mari kita menariknya keluar bersama-sama. *(p1, p2 dan p3 pegang pada hujung benang dan cuba untuk menarik)* Tarik *(sambil menarik tali)* tarik *(sambil menarik tali)*"

P – *(Berdiri dengan hujung kaki)* "Hey!!! Saya rasa alat ini sedang berkesan!'

p1 p2 dan p3 – "Hampir dekat! TARIK!!" *(pada tarikan yang ketiga putuskan benang itu dan semua jatuh kebelakang)*

P– "Hampir sekali! Tapi saya masih terperangkap di dalam lubang ini. Kamu ada cadangan yang lain?"

p1 – "Hmm, sarung tangan ini tidak berfungsi untuk membantu kamu memanjat keluar dari lubang ini… tetapi bagaimana jika ada sesuatu yang boleh dipanjat?

p2 – "Dan penyodok tanah ini tidak dapat bantu kamu membuat satu longgokkan tanah untuk mendapatkan ketinggian yang kamu perlukan, tetapi bagaimana jika kita dapat mencari sesuatu yang boleh mengangkat seseorang lebih tinggi?"

p3 – "Dan benang itu tidak kukuh atau cukup kuat untuk menarik kamu keluar, tetapi bagaimana jika kita menemui sesuatu yang boleh menyokong/menampung seseorang?"

p1, p2, p3 – "HMMMMMMmmmm *(Berfikir sejenak. ketiga-tiga mereka serentak menggatakan)* KITA PERLUKAN TANGGA!" *(pergi ke luar pentas dan angkat tangga naik ke pentas)*

p1 – "Kami membawa tangga untuk kamu!"

p2 – "Dan ia pasti dapat membantu kamu keluar dari lubang ini!"

p3 – "ia kukuh dan kuat!"

P– "Tangga? Kamu pasti ini boleh membantu?"

(p1 p2 p3) – "YA! dengan pastinya *(turunkan tangga kepada P. P panjat naik keluar lubang. semua bersorak)* **P–** "Wah! Terima kasih banyak kerana sudah membantu saya!"

p1 – "Sama-sama!"

p**2 –** "Bila-bila saja!"

p3 – "Kami gembira dapat membantu. Adakah kamu mahu berjalan di jejak ini bersama-sama dengan kami?"

P – "Itu sudah pasti! Mungkin jika kita berjalan bersama-sama, kita dapat menggelak lubang-lubang yang menyusahkan itu! Oh... (dengan tersipu malu) lebih baik kita bawa tangga itu...sebagai langkah berjaga-jaga."

(Keempat-empat pelakon angkat tangga itu ke luar pentas.)

RINGKASAN SKIT **(dikongsikan selepas persembahan skit)**

Saya gembira pengembara kita tadi dapat keluar dari lubang itu, bagaimana dengan kamu? Cerita pendek ini telah memperkenalkan kita kepada bahagian penting dalam kebaktian kita pada hari ini. Pengembara kita tidak boleh memanjat keluar dari lubang itu sendiri dengan menggunakan sarung tangan, dan dia juga tidak boleh menggali tanah untuk membuat satu longgokkan tanah dengan sendiri. Apabila benang digunakan, ia putus. Satu-satunya perkara yang dapat membantu pengembara kita ialah sebuah tangga yang kuat dan kukuh.

Dalam kisah Yakub, Tuhan memberinya mimpi tentang sebuah tangga dengan malaikat yang sedang naik dan turun dari tangga itu. Mimpi ini juga datang dengan sebuah janji. Aku menyertai kamu dan akan menjaga kamu ke mana-mana pun kamu pergi... Aku tidak akan meninggalkan kamu sampai Aku melaksanakan apa yang telah Kujanjikan kepadamu." (Kej 28:15) Tuhan sedang mengingatkan Yakub tentang perjanjian yang telah Dia berikan kepadanya, ayahnya Ishak, dan datuknya Abraham.

Kamu akan kerap mendengar perkataan JANJI/PERJANJIAN sepanjang hari ini! Ini akan mengingatkan kita tentang janji kekal Tuhan. Tuhan telah berjanji, jika Abraham, Ishak, dan Yakub mengikuti-Nya, dan memelihara hukum-hukumNya, Dia akan sentiasa bersama dengan mereka. Dia akan menjadi Tuhan mereka dan mereka akan menjadi umat-Nya.

Yakub bukanlah seorang yang sempurna, dan dia tidak selalu mematuhi perintah Tuhan. Kita akan melihat bahawa dia telah melalui banyak kesilapan dan cabaran. Tetapi walaupun Yakub kadang kalanya tidak setia, Tuhan tetap setia kepadanya. Lebih daripada itu, Tuhan memberikan perjanjian-Nya untuk memberkati Yakub dan keluarganya secara turun-temurun dengan menyediakan cara bagi mereka diampuni apabila mereka melakukan kesilapan.

Janji ini bukan hanya untuk Yakub. Kita akan mempelajari bagaimana Tuhan juga telah menyediakan jalan untuk kita. Dan perjanjian-Nya masih menjadi sebahagian daripada generasi kita hari ini. Kita akan diingatkan bahawa firman Tuhan adalah kukuh dan benar. Dia sangat setia, dan Dia akan SENTIASA menepati janjinya.

Mainkan lagu 2 dengan lebih awal: Fiercely Faithful

LAGU 2: FIERCELY FAITHFUL

KHOTBAH BAHAGIAN 1: PENIPUAN BESAR YAKUB

Bahan: Kain penutup mata.

Penyediaan:

1. Pilih 3 orang kanak-kanak dan 3 orang dewasa yang bersama-sama dengan mereka (ibu bapa, datuk nenek, penjaga). Kamu juga boleh menambah 3 orang dewasa secara rawak seperti pendeta, pegawai gereja, diakon, dll.
2. Beri penutup mata kepada 3 orang sukarelawan anak kamu.
3. Arahkan orang dewasa kamu untuk berbaris di atas pentas apabila dipanggil.
4. Terangkan aktiviti terlebih dahulu. Setiap kanak-kanak akan merasai tangan orang dewasa. Mereka akan cuba mencari orang dewasa mereka hanya dengan menyentuh tangan setiap orang. Mereka akan berdiri di sisi orang yang mereka anggap orang dewasa mereka.

Sejauh manakah kamu boleh membezakan orang? Bolehkah kamu mengenali seseorang yang kamu sayangi hanya melalui bunyi suara mereka? Bagaimana dengan sentuhan sahaja? Tutup mata kamu dengan rapat dan rasa tangan kamu sendiri. Adakah tangan kamu berbeza daripada tangan orang lain? Adakah tangan kamu mempunyai sesuatu yang unik? Adakah jari kamu lebih panjang atau lebih pendek? Adakah tangan kamu kasar atau lembut? Adakah kamu mempunyai sebarang parut atau benjolan? Berapa panjang kuku kamu? Apakah rasa garisan-garisan pada tangan kamu? Bolehkah kamu merasakan cap jari kamu?

Begitulah cara Ishak, ayah Yakub dan Esau, membezakan kedua-dua anak lelakinya secara berasingan. Apabila dia semakin tua, dia kehilangan penglihatannya, dan kebanyakan derianya yang lain. Jadi, dia akan meminta mereka untuk datang kepadanya dan dia akan merasakan tangan, lengan, dan leher mereka. Badan Esau berbulu, manakala Yakub mempunyai kulit yang lembut.

Adalah sebuah tradisi pada zaman itu bagi seorang bapa memberkati anak-anak lelakinya pada umur tuanya dan sebelum dia meninggal dunia. Pada waktu pemberkatan yang sudah hampir itu, Yakub tahu bahawa Esau adalah anak kesayangan Ishak, dan sudah pasti Esau akan mendapat berkat yang lebih besar. Jadi, dia dan ibunya Rebecca membuat satu rancangan untuk memperdaya ayahnya supaya menyangka bahawa Yakub adalah Esau.

Mari kita jemput sukarelawan kita untuk datang di atas pentas. Kita mempunyai beberapa orang dewasa untuk berbaris di hadapan sini. Mari lihat sama ada sukarelawan kecil kita boleh mengenali ahli keluarga mereka dengan merasakan tangan mereka *(mata sukarelawan yang di tutup dengan kain penutup mata,*

Posisikan orang dewasa secara rawak, kemudian minta sukarelawan kecil untuk merasakan tangan setiap orang dewasa dan pilih satu dewasa yang mereka rasa adalah ahli keluarga mereka. Kamu mungkin memerlukan seseorang untuk membantu membimbing setiap sukarelawan untuk mengelakkan mereka tersandung. Apabila semua sudah bersedia, teruskan khotbah)

Bagaimanakah keputusannya? Mari kita lihat! *(berhenti sejenak untuk reaksi)* Syabas semua. Segelintir dari kamu dapat mencari orang dewasa kamu. Bagi yang lain mungkin ia sedikit sulit bagi kamu. Mari kita tanya para sukarelawan kita, bagaimanakah mereka tahu itu adalah orang dewasa mereka?/ Apa yang membuat mereka berasa sulit untuk mencari orang dewasa mereka? *(Tanya kanak-kanak untuk jawapan mereka)*

Terima kasih kerana sudah membantu dalam aktiviti ini!*(Para sukarelawan boleh balik ke tempat masing-masing)* Aktiviti tadi sangat sulit sekali; tanpa tipu muslihat sama sekali. Tapi bayangkan bagaimana sulitnya jika ada seseorang yang cuba sedaya upaya untuk berbohong dan menjadi seseorang yang kamu ingin cari. Itulah yang terjadi pada Ishak.

Dia meminta anak sulungnya Esau untuk pergi memburu dan masakkan makanan kegemarannya sebelum dia memberkatinya. Semasa Esau tiada, Ribkah menolong anak bongsunya Yakub dengan menyuruhnya memakai pakaian abangnya dan mengenakan bulu kambing biri-biri pada tangan dan lehernya. sementara dia memasak makanan yang dimintakan Ishak. Lalu Yakub datang kepada ayahnya, tetapi Ishak tidak mengenalinya. Dia memakan makanan yang sepatutnya disediakan oleh Esau, menghidu pakaian Esau, dan meraba apa yang dia rasa bulu pada tangan dan leher Esau. setelah itu dia memberi berkat kepada Yakub dengan berfikir bahawa dia telah memberkati Esau. Tidak lama kemudian Esau sedar dengan apa yang telah terjadi. Kamu boleh membaca cerita ini di buku Kejadian 27:30-36

Setelah Ishak memberkati Yakub, Yakub pun beredar. Sebaik sahaja Yakub pergi, Esau pulang dari memburu. Esau juga menyediakan makanan yang lazat dan membawanya kepada bapanya. Dia berkata, “Ayah, duduklah dan makanlah daging binatang buruan saya, supaya ayah dapat memberkati saya.” Maka Ishak berkata kepada Esau, “Kamu ini siapa?” Esau menjawab, “Saya Esau, anak sulung ayah.” Seluruh tubuh Ishak menggeletar, dan dia berkata, “Jadi siapakah yang memburu binatang dan membawanya kepadaku tadi?

Kedua-dua Ishak dan Esau menangis dengan penuh kesedihan, kerana mereka tahu bahawa Yakub telah berbohong kepada mereka. Dia telah mencuri apa yang bukan miliknya. Alangkah dahsyatnya situasi pada hari itu bagi seluruh keluarga mereka. Yakub terpaksa menghadapi kesan daripada tindakannya. Dia telah menghancurkan hati ayahnya dan mengkhianati abangnya. Oleh kerana itu ibunya terpaksa menghantarnya pergi. Dia memberitahunya "pergilah dan tinggal bersama bapa saudaramu untuk sementara waktu. Berilah abangmu masa untuk meredakan kemarahannya”

Malangnya, Yakub tidak dapat bertemu dengan ibu atau bapanya lagi kerana mereka telah meninggal sebelum dia dapat kembali. Yakub meninggalkan keluarganya dengan keadaan hancur dan patah hati. Tetapi kisah Yakub tidak berakhir di tempat yang menyedihkan ini! Tuhan akan melakukan pekerjaan yang besar dalam hidup Yakub. Dia akan mendedahkan kepada Yakub, bagaimana dia boleh terus kekal setia pada janji-Nya.

BAHAGIAN 2 – MIMPI JANJI TUHAN

Bahan-bahan:
Batang tinsel
Beg plastik
Kostum malaikat (jubah putih/Sayap malaikat buatan sendiri)
Batu besar (kita gunakan batu blok)
Nota: Jika kamu mempunyai anggota yang ramai, kamu perlu membuat beberapa kotak tisu mezbah

Persediaan

1. Potong batang tinsel kepada dua untuk bahagian tepi tangga. Potong batang tinsel kepada empat bahagian kecil untuk anak tangga. Letakkan 2 batang yang panjang dan 4 batang yang pendek ke dalam setiap beg plastik. Sediakan satu beg untuk setiap anggota (atau satu beg untuk setiap keluarga)
2. Letakkan tangga dari skit di tengah-tengah pentas. Letakkan batu besar di sebelah tangga
3. Dapatkan dua orang anak untuk mengambil bahagian. Seseorang akan berlakon sebagai Yakub, dan seorang akan berlakon sebagai malaikat. Beri mereka tanda supaya mereka tahu bila masanya untuk naik ke atas pentas dan apa yang perlu dilakukan apabila tiba giliran mereka. (Arahan di bawah)

Untuk selamat sampai ke rumah bapa saudaranya Laban, Yakub terpaksa menempuh perjalanan hampir 500 batu melalui jejak jalanan berbahaya yang mempunyai binatang buas, perompak, dan bentuk muka bumi yang kasar. Dia pergi dengan tergesa-gesa sehinggakan dia terlupa untuk membawa bantal untuk kepalanya.

Alkitab menceritakan kita bahawa apabila Yakub akhirnya dapat berhenti dan berehat, dia merasa sangat letih sehingga dia menggunakan batu sebagai bantal. (Yakub yang memegang batu naik ke atas pentas, baring dengan kepalanya di atas batu sebagai bantal. Tanya anak itu, "bagaimana dengan bantal kamu?" Dan biarkan anak itu menjawab. Selepas menjawab, anak itu boleh duduk kembali ke tempatnya)

Bantal batu pasti tidak selesa rasanya! Tetapi hanya itu yang dimiliki oleh Yakub pada masa itu. Pada malam itu, Tuhan memberi Yakub sebuah mimpi yang istimewa tentang sebuah tangga (tunjuk pada tangga di atas pentas) Tangga ini sangat tinggi sehingga ia pergi dari bumi, sehingga ke syurga. Di tangga itu, terdapat malaikat naik dan turun (anak yang berpakaian malaikat memanjat di anak tangga pertama duduk dan melambai)

Tuhan berfirman kepada Yakub dalam mimpi itu. Mari kita lihat apa yang Tuhan katakan dalam Kejadian 28:13 dan 15.

> **“Akulah TUHAN, Allah Abraham, datukmu, dan Allah Ishak. Tanah tempat kamu berbaring ini akan Kuberikan kepadamu dan kepada keturunanmu. Sesungguhnya, Aku menyertai kamu dan akan menjaga kamu ke mana-mana pun kamu pergi. Aku akan membawa kamu kembali ke negeri ini, kerana Aku tidak akan meninggalkan kamu sampai Aku melaksanakan apa yang telah Kujanjikan kepadamu.”**

Yakub tahu apabila dia terbangun dari tidurnya bahawa Tuhan telah bersamanya. Inilah yang katakan oleh Yakub ***(anak yang berlakon sebagai Yakub menjerit dengan gembira)*** "Tuhan Ada Di Sini! Dia ada di tempat ini dan saya tidak mengetahuinya"

Yakub ingin mengingati janji dari mimpinya itu, lalu dia mengambil batu yang digunakannya sebagai bantal, menegakkannya seperti tiang, dan menuangkan minyak zaitun di atasnya sebagai persembahan.

(Anak yang berlakon sebagai Yakub menegakkan batu seperti sebuah tiang. Lepas itu dua orang kanak-kanak yang berlakon sebagai Yakub dan sebagai malaikat meninggalkan pentas.)

Dengan semua peristiwa-peristiwa yang telah berlalu, Yakub mungkin mempunyai banyak dalam fikirannya ketika dalam perjalanan ini. Yakub pasti berasa sangat cemas tentang keadaannya. Tetapi Tuhan melangkah masuk untuk meyakinkan Yakub bahawa Dia masih bersamanya!

Pertama, dia mengingatkan Yakub bahawa dia adalah Tuhan yang sama yang disembah oleh bapanya Ishak dan datuknya Abraham. Kemudian dia memberikan kepada Yakub janji perjanjian yang sama yang dia berikan kepada ayah dan datuknya,

> **"Engkau dan keluargamu akan menjadi umat-Ku, dan Aku akan menjadi Tuhanmu. Aku akan memberkati kamu dan menyertai kamu."**

Tuhan mendedahkan kepada Yakub sesuatu yang berlaku sepanjang masa: Walau apa pun yang kita lakukan, Tuhan akan sentiasa bekerja menyediakan cara untuk kita terus berhubung dengannya. Walaupun Yakub tidak layak menerimanya, Tuhan menghantar mesej khusus sebagai dorongan daripadaNya.

Jaminan ini adalah berita baik bagi kita yang sering kali mendapati diri kita melakukan kesilapan atau melalui masa yang menakutkan. Tuhan telah berjanji untuk setia kepada mereka yang mengikutinya. Dia menghulurkan tangan-Nya kepada kita. Dia mengampuni kita, memberi kita rezeki, dan memelihara kita.

Mainkan lagu 3 dengan lebih awal: Comfort

LAGU 3 – COMFORT

(Selepas cerita Tangga Yakub)

WAKTU BERDOA – TANGGA BATANG TINSEL

PEMBENTANG 1 (PEMBUKA DAN PENUTUP)

Hari ini kita akan mengingati janji Tuhan dalam doa kita. *(Edarkan beg dengan batang-batang tinsel. Berikan satu kepada setiap orang)*

Setiap anggota akan menerima beg dengan bahan-bahan untuk membina sebuah tangga. Dua batang tinsel yang panjang adalah untuk bahagian tepi tangga, dan empat batang pendek adalah untuk anak tangga *(pegang tangga pembersih paip yang telah siap untuk dilihat oleh para anggota gereja kamu juga boleh meletakkan gambar tangga itu pada skrin)* .

Alkitab memberitahu kita bahawa Tuhan mendengar kita apabila kita berseru kepada-Nya: dalam Yohanes 5:14 dikatakan "Inilah keyakinan kita terhadap Dia, bahawa jika kita meminta sesuatu menurut kehendak-Nya, Ia akan mendengar dan menjawab kita. Marilah kita bersama-sama membina tangga sambil berdoa dan berseru kepada Tuhan."

PEMBENTANG 2 (MEMINTA PERTOLONGAN)

Pintalkan anak tangga pertama ke tangga kamu *(tunjuk cara)*

Semasa kamu melakukan aktiviti ini, fikirkan sesuatu yang mungkin perlu di bantu. Mungkin kamu memerlukan bantuan untuk sesuatu yang kamu perlu lakukan, mungkin kamu memerlukan bantuan mencari sesuatu yang hilang, atau kamu memerlukan bantuan untuk membuat satu pilihan. Luangkan sedikit masa untuk bercakap dengan Tuhan tentang bagaimana kamu memerlukan bantuan.

Saya akan memberi kamu masa untuk berdoa sendiri atau bersama dengan keluarga kamu, kemudian kita akan berdoa bersama-sama. ***(Berhenti sejenak dan beri masa sebelum berdoa. Kamu boleh menyediakan doa sendiri atau gunakan doa berikut)***

"Tuhan kami berseru kepada-Mu hari ini untuk meminta pertolongan dari-Mu. Kami berdoa agar Engkau menjaga kami pada waktu kami memerlukan. Terima kasih kerana menjawab mengikut kehendak-Mu, Amin."

PEMBENTANG 3 (KONGSIKAN PERASAAN KAMU)

Pintalkan anak tangga kedua ke tangga kamu. Semasa kamu lakukan ini, fikirkan tentang perasaan kamu. Mungkin kamu sangat gembira kerana sudah hadir di sini pada hari ini. Mungkin kamu berasa sedih atau sedang merindui seseorang. Mungkin kamu berasa marah disebabkan sesuatu yang menyakiti kamu. Apapun perasaan kamu hari ini, luangkan masa untuk bercakap dengan Tuhan tentang perasaan-perasaan itu. Bercakaplah denganNya secara jujur. Saya akan memberi kamu masa untuk berdoa sendiri atau bersama dengan keluarga kamu, kemudian kita akan berdoa bersama-sama. ***(berhenti sejenak dan beri masa sebelum berdoa. kamu boleh menyediakan doa sendiri atau gunakan doa berikut).***



Tuhan kami berseru kepadaMu hari ini dengan mengongsikan semua perasaan yang ada di hati kami. Kami berdoa agar Engkau menghibur kami ketika kami sedih, bergembira bersama kami ketika kami sedang bergembira, berilah kami ketenangan ketika kami takut. Terima kasih kerana mengetahui dan mendengar semua perasaan kami, Amin.

PEMBENTANG 4 (DOA BERKAT)

Pintalkan anak tangga ketiga ke tangga kamu. Semasa kamu melakukan ini, fikirkan tentang seseorang yang kamu sayangi.
Mungkin kamu sedang memikirkan seseorang dalam keluarga kamu.
Mungkin kamu sedang memikirkan seorang rakan kamu.
Mungkin kamu memikirkan seorang pemimpin.
Mungkin kamu mengenali seseorang yang sakit dan memerlukan penyembuhan.
Mungkin kamu mengenali seseorang yang mungkin memerlukan sebuah galakan. Luangkan masa untuk meminta berkat untuk orang itu. Saya akan memberi kamu masa untuk berdoa sendiri atau bersama dengan keluarga kamu, kemudian kita akan berdoa bersama-sama.

(Berhenti sejenak dan beri masa sebelum berdoa. Kamu boleh menyediakan doa sendiri atau gunakan doa berikut:)

> **"Tuhan, kami menyeru kepada-Mu hari ini untuk berdoa bagi mereka yang kami sayangi. Kami berdoa agar Engkau menyembuhkan mereka yang sakit, melindungi mereka yang kami sayangi. Dan bersama mereka yang paling memerlukan hadirat-Mu. Terima kasih kerana menjaga mereka. Amin."**

PEMBENTANG 5 (KESYUKURAN DAN PUJI-PUJIAN)

Pintalkan anak tangga keempat ke tangga kamu. Semasa kamu melakukan ini, fikirkan tentang semua perkara yang kamu rasa bersyukur. Mungkin kamu bersyukur dengan kurniaan Tuhan, mungkin Tuhan telah membantu kamu melalui sesuatu yang mencabar, mungkin kamu rasa bersyukur kerana Tuhan telah memberikan kamu rumah sebuah yang kukuh dan selamat, mungkin kamu rasa bersyukur dengan kesihatan kamu. Luangkan masa untuk berterima kasih kepada Tuhan untuk semua yang kamu fikirkan

(Berhenti sejenak dan beri masa sebelum berdoa. Kamu boleh menyediakan doa sendiri atau gunakan doa berikut:)

> **"Tuhan kami berseru kepada-Mu hari ini untuk berterima kasih. Kami berterima kasih atas semua yang telah Engkau berikan kepada kami. Kami berterima kasih kerana menjaga kami. Kami berterima kasih kerana menyayangi kami. Engkau adalah Tuhan yang luar biasa, mengagumkan, dan menakjubkan. Kami memuji Engkau hari ini. Amin."**

PEMBENTANG 1 (PEMBUKA DAN PENUTUP)

Selepas Yakub mengangkat batu itu dan menuangkan minyak ke atasnya untuk mengingati apa yang telah Tuhan lakukan, dia menamakan tempat itu Betel. Betel bermaksud rumah Tuhan. Yakub memahami bahawa Tuhan ada bersama-sama dengannya, jadi Yakub meneruskan perjalanannya, dengan penuh keyakinan dalam kesetiaan Tuhan.

Bawa tangga doa kamu bersama dengan kamu. Kamu boleh memasukkannya ke dalam Alkitab kamu atau meletakkannya di dalam poket kamu, dan menyimpannya sebagai peringatan. Tuhan sentiasa bersama kamu dalam perjalanan kamu. Dia mendengar doa kamu dan akan bersama kamu ke mana sahaja kamu pergi.

KHOTBAH BAHAGIAN 3- TUGASAN YANG DIBERI LABAN

Yakub pergi tinggal bersama bapa saudaranya Laban selama 20 tahun lamanya. Dia bersetuju untuk bekerja dengannya sebagai seorang gembala, tetapi Laban seringkali mengubah peraturannya.

Pertama, dia bersetuju untuk membenarkan Yakub mengahwini anak

bongsunya Rahel jika dia bekerja selama 7 tahun. Apabila 7 tahun itu berlalu, Laban telah menipu Yakub dan memberitahunya bahawa anak sulungnya Lea harus berkahwin terlebih dahulu. Kemudian dia meminta Yakub untuk bekerja selama 7 tahun lagi untuk mengahwini Rahel. Keluarga Yakub terus berkembang. Tidak lama kemudian dia mempunyai 13 orang anak! Yakub telah merancang untuk berpindah, tetapi Laban melihat bahawa Tuhan memberkati pekerjaan Yakub. Dia tidak mahu Yakub pergi, jadi dia menukarkan peraturannya untuk kali ketiga. Kisah ini terdapat dalam Kejadian 30 bermula pada ayat 27. Mari kita baca sebahagian daripadanya bersama-sama:

> **Laban berkata kepadanya, "Dengar dulu. Melalui ramalan, aku tahu bahawa TUHAN sudah memberkati aku kerana kamu.**

Yakub meminta supaya dia dibenarkan untuk memelihara kambing domba yang tertentu dari kawanan Laban sebagai bayarannya. (mengedarkan Kad klasifikasi kambing biri-biri)

Setiap kamu telah menerima kawanan kambing biri-biri kamu sendiri. Kamu mempunyai kambing biri-biri putih, kambing biri-biri berbintik-bintik, kambing biri-biri yang berbelang dan kambing biri-biri hitam. Terbalikkan kad kambing biri-biri kamu dan campurkan. Saya akan berpura-pura menjadi Laban dan kamu akan berpura-pura menjadi Yakub.

Letakkan semua kad kambing biri-biri kamu menghadap ke bawah. Kemudian terbalikkan satu persatu. Jika kamu menjumpai kambing biri-biri yang berbintik-bintik, kamu boleh memelihara kambing itu. Itu akan menjadi upah kamu. *(Beri masa untuk semua keluarga mencari kambing biri-biri yang berbintik-bintik.)*

Bahan-bahan:
Set kad kambing biri-biri *(lihat edaran= 1 untuk setiap keluarga)*

Mezbah kotak tisu *(lihat gambar)*

Kertas tisu berwarna merah dan jingga

Kotak tisu yang dihias seperti batu.

Penyedian:

1. Letakkan kotak-kotak mezbah di hadapan gereja. Jika kamu mempunyai anggota gereja yang ramai, letakkan kotak-kotak di beberapa lokasi.
2. Berikan setiap keluarga satu set kad kambing biri-biri.

Hmm…. Saya melihat kambing biri-biri yang berbintik-bintik milikmu semakin banyak! Letakkan semua kambing biri-biri menghadap ke bawah sekali lagi. Kali ini, kamu boleh memelihara mana-mana kambing biri-biri yang berbelang. Itu akan menjadi upahmu. (Beri masa untuk keluarga mencari kad kambing biri-biri berbelang.)

Hmm… kini kambing biri-biri yang berbelang milikmu terlalu banyak! Letakkan semua kambing biri-biri menghadap ke bawah sekali lagi. Kali ini, kamu hanya boleh menyimpan kambing biri-biri berwarna hitam! Itu akan menjadi upahmu. *(Beri masa untuk keluarga mencari kambing biri-biri berwarna hitam.)*

Hmm… sekarang kambing biri-biri berwarna hitam milikmu terlalu banyak! Letakkan semua kambing biri-biri menghadap ke bawah sekali lagi. Kali ini kamu hanya boleh memelihara satu kambing biri-biri yang berbelang, satu kambing biri-biri yang berbintik-bintik dan satu kambing biri-biri yang berwarna hitam. Itu akan menjadi upahmu. (Beri masa untuk keluarga mencari satu daripada setiap kad.)
Bagaimanakah proses pengasingan kambing biri-biri kamu? Sukar untuk mengumpul semua kambing biri-biri kamu apabila peraturan terus berubah. Laban telah mengubah peraturan upah Yakub bukan sekali, bukan dua kali, bukan tiga kali, tetapi 10 kali! Bayangkan perasaannya yang ditipu berkali-kali selepas bekerja dengan sekuat tenaganya! Tuhan melihat apa yang berlaku, jadi Dia memberi Yakub sebuah mimpi lagi. Dia mengarahkan Yakub untuk kembali ke tanah lahirnya, kemudian mengingatkan Yakub tentang janji yang telah Dia berikan kepadanya di betel. “Aku akan bersama kamu. Aku akan menjadi Tuhanmu dan kamu akan menjadi umat-Ku.”

Yakub merasa bimbang kerana dia tahu Laban tidak akan membenarkan dia pergi.

Oleh kerana itu, dalam diam-diam dia telah melarikan diri bersama keluarganya. Tetapi Laban dapat mengejar mereka tujuh hari kemudian. Walaupun dia sangat marah kepada Yakub, Tuhan memberi amaran kepada Laban supaya tidak menyakitinya dalam apa cara sekalipun. Laban dan Yakub membina sebuah mezbah bersama-sama, dan di sanalah mereka bersetuju untuk meninggalkan satu sama lain dengan damai.

Doa mereka terdapat dalam Kejadian 31:49 -

> **“Semoga TUHAN mengawasi kita selama kita hidup berjauhan.” Itulah sebabnya tempat itu dinamakan juga Mizpa."**

Mungkin ada sesuatu yang kamu ingin mengongsikan sesuatu perkara yang sukar untuk kamu lalui. Mungkin seseorang telah menyakiti perasaan kamu, atau sesuatu yang tidak adil telah berlaku.

Mungkin kamu sedang menghadapi perubahan besar, seperti Yakub.

Tuhan memahami perkara-perkara ini, dan Dia berjanji untuk memberi kamu ketenangan apabila kamu melaluinya. Pilih salah satu kad kambing biri-biri kamu dan fikirkan tentang kesukaran kamu atau masalah kamu yang mungkin memerlukan ketenangan, dan bawa kad itu ke atas dan letakkan di mezbah di hadapan. Kamu juga boleh menggunakan pen atau pensel untuk menulis pada kad kamu.

(Mainkan muzik yang lembut semasa jemaah meletakkan kad kambing biri-biri mereka di mezbah, kemudian berdoa di sebelah mezbah. Kamu boleh membaca doa kamu sendiri atau menggunakan contoh.)

Mari kita berdoa bersama.

> **“Ya Bapa kami, kami berdoa agar Engkau memberi kami kedamaian apabila kami menghadapi masa kesusahan. Kami berdoa agar Engkau menjaga kami dan memenuhi semua keperluan kami. Amin.”**

Selepas membuat janji ini bersama-sama, kedua-dua keluarga itu makan bersama dan Laban mencium keluarganya yang akan berpisah dengannya dan memberkati mereka. Laban dan Yakub tahu itu semua adalah kerja Tuhan. Sehingga sekarang tempat itu dikenali sebagai "Mizpa" yang bererti tempat yang diberkati. Situasi di mana sesuatu keadaan itu mungkin menjadi sangat berbahaya, Tuhan mengubahnya menjadi saat damai.

KHOTBAH BAHAGIAN 4 – BERGUSTI DENGAN TUHAN

Bahagian seterusnya adalah kisah dimana Yakub menyertai satu perlawanan gusti yang terhebat sepanjang zaman! Tetapi sebelum saya memberitahu kamu kisah mengenai perlawanan Yakub, mari kita lakukan satu perlawanan kita sendiri! Setiap daripada kamu akan memilih pasangan kamu.

Apabila saya berkata mula, kunci jari kamu seperti ini dan cuba bergusti menggunakan ibu jari kamu. Kamu akan diberi masa selama 35 saat. Siap… Sedia… Mula! *(Berikan mereka masa untuk aktiviti ini)*

Adakah diantara kamu dapat mengalahkan ibu jari pasangan kamu? Adakah di antara kamu yang bergusti dengan seseorang yang jauh lebih besar atau lebih kecil dari kamu? Bagaimana jika kamu bergelut seperti ini sepanjang malam? Phew!

Perlawanan gusti Yakub sangat berbeza dengan pertandingan gusti kita, kerana dia sendiri telah bergusti dengan Tuhan! Ia berlaku apabila Yakub sedang dalam perjalanannya. Dia kini dalam perjalanan pulang dari Mizpa. Di rumah bapa saudaranya Laban, dia telah memperoleh kekayaan yang besar, tetapi dia masih takut untuk menghadapi masa lalunya. Ingat, dia telah berbohong kepada abang dan bapanya, dengan mengambil berkat restu milik abangnya. Kali terakhir dia melihat abangnya Esau, abangnya sangat marah … sangat marah sehinggakan Esau ingin membunuhnya!

Yakub mempunyai satu rancangan. Semasa dalam perjalanan, dia menghantar beberapa orang untuk melihat sama ada abangnya sudah dekat. Mereka kembali dan memberitahu dia bahawa Esau akan menemuinya bersama dengan 400 orang. Yakub ingin meredakan kemarahan Esau, jadi dia menghantar hadiah harta kekayaannya: unta, kambing biri-biri, lembu, dan keldai untuk abangnya. Kemudian Yakub membahagikan keluarganya kepada dua kumpulan. Berdasarkan pelannya, jika satu kumpulannya ditangkap, yang lain boleh melarikan diri. Yakub menetap di belakang ketika malam tiba. Semasa dia bersendirian, muncul seseorang dan dia mula bergelut dengan Yakub sehingga pagi. Dia menyentuh soket pinggul Yakub dan membuatnya terkeluar dari sendi.
Namun begitu, Yakub teruskan bergelut. Lelaki itu berkata, "Biarkan saya pergi!"
Yakub, yang mungkin sedar pad masa itu dengan Siapa dia bergelut menjawab, “Tidak sehingga Engkau memberkati saya!”
Lelaki itu bertanya, “Siapa namamu?”
“Yakub.”
Lelaki itu menjawab, "Namamu bukan lagi Yakub, melainkan Israil!"

Pada waktu pagi Yakub berjalan dengan tempang menyeberangi sungai dan kemudian pergi ke hadapan keluarganya dan berserta dengan harta bendanya. Dia telah menjadi seorang yang berubah! Yakub bertemu dengan Esau dahulu, sebelum orang lain. Esau berlari kepada Yakub dan mereka berdua menangis, mencium, dan berpelukan! Yakub dan keluarganya akhirnya telah berbaik-baik. Dia akhirnya pulang.

Sepanjang hayatnya, Yakub berjalan dengan tempang, dan dia membawa nama Israil bersamanya sebagai janji selama-lamanya bahawa dia telah bergelut dengan Tuhan, hidup dan telah menerima berkat-Nya.

Mainkan lagu 1 dengan lebih awal: Walking by Faith.

LAGU 4: NAMES

KHOTBAH BAHAGIAN 5 – KRISTUS DALAM PERJANJIAN

KANAK-KANAK PEMBENTANG

Selepas bergelut dengan Tuhan, Yakub diingatkan tentang janji perjanjian Tuhan. Keluarganya akan menjadi umat Tuhan dan Dia akan menjadi Tuhan mereka. Dia akan sentiasa bersama mereka. Janji ini telah diwariskan dari generasi ke generasi.

Bermula dengan Abraham,
kemudian dengan Ishak,
kemudian Yakub dan semua anak, cucu, dan cicitnya.

Jika kamu menbaca kisah penuh mengenai keluarga Yakub dalam Alkitab, kamu akan mendapati bahawa seluruh bangsa berasal dari dia. Bangsa yang dimaksudkan ini adalah bangsa Israil, nama yang sama yang diberikan Tuhan kepada Yakub.

Tetapi mengapa itu penting bagi kita?

Kerana kita telah mewarisi janji yang sama yang diberikan kepada Yakub dan keluarganya. Tuhan boleh menjadi Tuhan kita, dan kita boleh menjadi umatnya. Dia akan bersama kita dan Dia akan memberkati kita jika kita mengikuti-Nya.

Adakah kamu masih ingat tentang kisah tangga dalam mimpi Yakub? Tangga itu bertujuan untuk menunjukkan bagaimana Tuhan akan menyediakan jalan bagi Yakub untuk bersama-Nya.

Apakah yang menghubungkan kita dengan Tuhan sekarang? (*lipat kapal terbang kertas)*

Mungkin ia adalah sebuah kapal terbang yang boleh menerbangkan kita. (*gerakkan kapal terbang seolah-olah sedang terbang)*

Sejauh mana kapal terbang itu boleh pergi? Adakah ia boleh membawa kita untuk bersama Tuhan? Tidak… Saya rasa bukan begitu.

Mungkin kita memerlukan sesuatu yang lebih berkuasa. (koyakkan kertas dan tunjukkan roket) Bagaimana pula dengan roket? Sejauh mana kita boleh pergi? Adakah kita boleh mencapai Tuhan dengan roket ini?

(3…2…1…Berlepas! Gerakkan roket seolah-olah ia berlepas ke langit) Tidak, roket juga tidak cukup kuat.
Saya rasa kita memerlukan sesuatu yang lebih berkuasa daripada tangga, lebih berkuasa daripada kapal terbang, dan lebih berkuasa daripada roket.

(buka lipatan salib) Dalam Yohanes 14:6 Yesus berkata Dia adalah jalan, kebenaran dan hidup, dan mereka yang datang kepada Bapa harus melalui Dia.

Yesus mati di atas salib kayu berbentuk seperti ini.

Dahulu kalanya, salib adalah satu bentuk hukuman bagi penjenayah yang paling teruk, tetapi Yesus bukanlah penjenayah. Dia memilih untuk hidup di bumi untuk menunjukkan kepada kita kebenaran. Selama Dia hidup di dunia ini, dia tidak pernah berbuat dosa. Dosa itulah yang menyebabkan kita berpisah dengan Tuhan. Semua yang jahat dan salah dalam dunia.

Alkitab memberitahu kita dalam Roma 6:23 bahawa upah dosa ialah maut, tetapi pemberian karunia Tuhan ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus.

Ketika Yesus berada di kayu salib, Dia menanggung semua dosa dunia di atas-Nya, supaya kita tidak lagi berpisah dari Tuhan. Dia mengambil hukuman mati bagi kita.

Alkitab mengatakan kita dalam 1 Yohanes 1:9 bahawa

> **"Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah.."**

Apabila kita percaya dan menerima bahawa Dia telah mati bagi dosa-dosa kita, kita mungkin sentiasa meminta pengampunan dari-Nya. Tuhan akan tetap setia untuk menghapuskan dosa-dosa itu.

Yakub bukanlah seorang yang sempurna. Kita telah melihat bahawa kesetiaan Tuhan menyertai dia, dan dia berubah kerana kasih Tuhan. Dia berbohong dan mencuri sesuatu dari keluarganya, tetapi Tuhan mengampuninya. Dia melarikan diri, tetapi Tuhan sentiasa bersamanya. Dia ditipu oleh bapa saudaranya, tetapi Tuhan memberinya rezeki. Dia bergelut dengan masa lalunya, tetapi Tuhan memberinya nama baru.

Walaupun semua itu terjadi, janji Tuhan tidak pernah pudar. "Aku akan bersamamu ke mana sahaja kamu Pergi. Aku akan menjadi Tuhanmu, kamu akan menjadi umat-Ku jika kamu mengikut Aku"

Itu adalah janji Salib yang sama (keempat-empat orang kanak-kanak memegang huruf yang di koyakan dari cebisan kertas. Ia sepatutnya mengeja "KEHIDUPAN")

Kita tidak sempurna, tetapi Tuhan itu sempurna. Kita boleh berbuat dosa tetapi Tuhan mengampuni kita. Mungkin ada masa di mana kita bersendirian, tetapi Tuhan akan bersama dengan kita. Kita mungkin melalui masa di mana kita ditipu oleh orang lain, tetapi Tuhan akan memberi kita rezeki, Kita mungkin pernah melakukan kesilapan pada masa lalu kita, tetapi Tuhan memberi kita KEHIDUPAN baru.

Hanya Tuhan dan Yesus jalan… kebenaran dan KEHIDUPAN.

Tuhan Abraham, Ishak, Yakub, dan semua keluarga Yakub adalah Tuhan yang sama yang kita sembah hari ini!

Saya tertanya-tanya; rakan-rakan dan keluarga sudikah kamu memilih untuk berkata YA kepada Yesus? Adakah kamu akan diubah oleh kesetiaan Tuhan?

Adakah kamu akan diberi kehidupan baru hari ini dan setiap hari? Adakah kamu sudi mengongsikan cinta-Nya?

Mainkan lagu 1 lebih awal: Walking by Faith.

LAGU 5 - JESUS THE ONE

DOA PENUTUP OLEH PENDETA

Mainkan lagu 1 lebih awal: Walking by Faith.

LAGU 6 : JESUS THE ONE

NOTA KHOTBAH UNTUK PENDETA

KEPADA PENDETA!

Terima kasih kerana sudah menunjukkan kepada keluarga gereja kamu kepentingan untuk melibatkan kanak-kanak dalam acara kebaktian gereja dan memberi peluang kepada anak-anak kamu untuk memimpin! Bahagian Nota Pastor mempunyai cadangan dan pilihan yang mungkin kamu boleh sertakan khotbah pendek sebagai susulan kepada program kanak-kanak. Kami tahu bahawa setiap pendeta mempunyai kaedah yang berbeza dalam khutbah mereka, jadi kami mencadangkan agar kamu menyesuaikan bahan-bahan tersebut mengikut keperluan atau menyediakan khutbah yang selaras dengan tema "Kesetiaan Tuhan dalam menepati janji-janjiNya". Bahan-bahan ini sesuai digunakan pada penghujung program ini dan akan membantu memberikan aplikasi lanjut tentang poin teologinya.

Yesus juga berkata, “Di mana dua atau tiga orang berkumpul dalam nama-Ku, Aku ada di tengah-tengah mereka” (Mat. 18:20).

Apakah rupa tempat perhimpunan kamu? Bangunan bata atau mungkin sebuah bangunan baru. Mungkin kamu sedang menggunakan sekolah gereja atau gereja di rumah.

Di mana sahaja kamu berada, keluarga-keluarga semua akan terlibat, dan yang paling penting Dia ada di sana! Tuhan mempunyai kesetiaan yang luar biasa dan Dia bersama kamu semasa kamu melakukan kerja yang penting dalam membantu orang dalam gereja dan komuniti kamu mengenali, mengasihi, dan melayani Yesus.

Kami berdoa untuk kamu semasa kamu memuridkan kanak-kanak, remaja, dan orang dewasa di gereja kamu untuk setia kepada-Nya!

NAD Children’s Ministries

CADANGAN ILUSTRASI KHOTBAH:

GARIS MASA PERISTIWA – Sediakan garis masa visual untuk membantu para keluarga mengikut perjanjian yang berbeza dalam kitab suci. Gunakan papan putih, lukis garisan, dan letakkan titik yang berbeza pada garis masa semasa kamu berkhutbah. Jika boleh, kamu boleh melukis gambar pada garis masa, atau kamu boleh mencetak ikon mudah untuk menggambarkan setiap peristiwa supaya kanak-kanak kecil boleh mengikutinya. Pada akhir khutbah, kamu akan menarik anak panah yang menunjuk dari perjanjian baru kepada penciptaan: menunjukkan bagaimana Kristus adalah penggenapan setiap janji perjanjian.

Penciptaan


Gunung Ararat

Abrahamic

Mosaic

Davidic

Baru

PERJANJIAN KONTRAK – Dapat beberapa contoh perjanjian kontrak. kamu boleh menggunakan gambar atau mempunyai salinan dokumen tersebut. Kamu boleh menggunakan contoh seperti sijil perkahwinan, geran tanah/kontrak pemilikan rumah, Kontrak Kerja dll. Tegaskan kepentingan garis tandatangan, dan maksud menandatangani kontrak dengan tangan kamu sendiri.

PRISMA PELANGI – Ambil prisma dan tunjukkan pelangi bersinar di dinding. Pelangi melambangkan janji Tuhan kepada Nuh dan keluarganya.

RANGKA PENULISAN

PENDAHULUAN: APAKAH ITU PERJANJIAN TUHAN *(COVENANT)*

Adakah kamu tahu bahawa semua yang Tuhan lakukan adalah berdasarkan perjanjian? Perkataan Yunani untuk perjanjian dalam Perjanjian Baru ialah Diatheke. Ia disebut dee-athay'-kay dan bermaksud "kontrak." Perkataan Ibrani untuk perjanjian dalam Perjanjian Lama ialah Beriyth. Ia disebut ber-eeth'. Ia adalah "perjanjian" yang dibuat dengan melalui kepingan daging. Apabila Tuhan membuat sebuah perjanjian, maka janji itu adalah untuk seumur hidup; dan tidak boleh dimungkiri. Terdapat 5 contoh utama Perjanjian dalam Alkitab. Ini membentuk gambaran yang lebih besar tentang tindakan penyelamatan Tuhan melalui Alkitab. Bermula dengan Nuh dan membuahkan hasil dalam perjanjian baru yang dipenuhi oleh pengorbanan Kristus.

PERJANJIAN DI ARARAT – Kejadian 8-9
PERJANJIAN ABRAHAMI – Kejadian 12, 15, 17
PERJANJIAN MOSAIK – Ulangan 28, Kel 31
PERJANJIAN DAVIDIC – 2 Sam 7, Mzm 72, Mzm 89, Mzm 132
PERJANJIAN BARU – Yer 31:31-34, Ez 36:22-32

KESIMPULAN

Perjanjian-perjanjian itu secara progresifnya membina satu sama lain, membentukkan jalan cerita penebusan yang lengkap. Tuhan memelihara dunia melalui Nuh, memulakan penebusan melalui Abraham, menubuhkan bangsa Israil melalui Musa, Menjanjikan seorang gembala yang kekal – raja melalui Daud, dan memenuhi semua janji ini melalui Yesus.

CADANGAN BAHAN BACAAN TAMBAHAN UNTUK KAJIAN LANJUT

John Murray, *The Covenant of Grace*
Palmer Robertson, *The Christ of the Covenants*
Paul R. Williamson, *Sealed with an Oath*.
Thomas R. Schreiner, *Covenant and God's Purpose for the World*
Michael Horton, *God of Promise*.
Peter Golding, *Covenant Theology*.

#Say YES toJesus

CHILDREN'S MINISTRIES

North American Division Children's Ministries